

KEPENTINGAN BURUH KELUARGA DALAM MEMBANTU MENINGKATKAN PRODUKTIVITI PENGELUARAN KELAPA SAWIT PEKEBUN KECIL

Zurinah Tahir

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial & Persekitaraan (SEEDS), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: zurinahtahir@ukm.edu.my

Filyntiana Tenge Andrew

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial & Persekitaraan (SEEDS), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: filyntianaandrew74@gmail.com

Suraiya Ishak

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial & Persekitaraan (SEEDS), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: suraiya@ukm.edu.my

Fatin Umaira Muhamad Azian

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial & Persekitaraan (SEEDS), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: Fatin Umaira Muhamad Azian

ABSTRAK

Tenaga buruh merupakan sumber penting terhadap sektor kelapa sawit khususnya bagi pengendalian pengurusan dan tanaman kebun kecil kelapa sawit. Penggunaan tenaga buruh sebagai input dan sumber dalam membantu peningkatan pengeluaran tanaman kebun kecil kelapa sawit. Tenaga buruh bagi tanaman kebun kecil sawit kebanyakan adalah terdiri daripada ahli keluarga pekebun kecil itu sendiri. Ahli keluarga yang terlibat dalam mengerjakan kebun kelapa sawit kecil biasanya terdiri daripada isteri, anak-anak dan saudara mara yang merupakan waris pemilik pekebun kecil sawit itu sendiri. Tenaga buruh keluarga merupakan komponen penting dalam meningkatkan pengeluaran produktiviti pekebun kecil kelapa sawit khususnya di kasawan luar bandar. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenalpasti tahap kepentingan buruh keluarga dalam membantu meningkatkan pengeluaran produktiviti pekebun kecil kelapa sawit. Penemuan kajian mendapati keperluan buruh keluarga adalah pada tahap yang tinggi di mana 'Buruh Keluarga' yang berfokuskan kepada ahli keluarga pekebun kecil amat penting terlibat dalam aktiviti penanaman sawit kebun persendirian. Kajian ini telah dilaksanakan menerusi kaedah kuantitatif dengan melibatkan sebanyak 345 responden pekebun kecil di Bakong dan Marudi Sarawak. Dari hasil penemuan kajian menunjukkan penglibatan tenaga kerja pekebun kecil yang terbesar adalah dalam kalangan isi rumah pemilik pekebun kecil iaitu suami atau bapa, diikuti isteri dan anak-anak serta saudara mara terdekat yang bersifat membantu mewarisi pekerjaan tanaman kebun kecil kelapa sawit. Keseluruhannya, keperluan terhadap tenaga buruh keluarga amat penting dalam membantu kerja-kerja dan tugas dalam aktiviti penanaman kelapa sawit termasuklah kerja penuaian, pembajaan, pemunggaran buah tandan segar, pengumpulan dan pengutipan biji buah kelapa sawit lerai, pemotongan pelepah sawit, merumput dan meracun di kawasan sekitar kebun sawit persendirian. Implikasi kajian ini mendapati keperluan tenaga buruh dari kalangan buruh keluarga pekebun kecil amat penting dalam membantu untuk meningkatkan pendapatan ekonomi dan produktiviti pengeluaran kelapa sawit pekebun kecil.

Kata Kunci : Buruh keluarga, pekebun kecil sawit, penanaman, produktiviti, tenaga kerja.

1. Pengenalan

Penanaman sawit merupakan satu aktiviti pertanian yang memberikan banyak sumbangan kepada negara. Kelapa sawit telah menjadi tanaman komersial sejak zaman penjajahan pihak British di Tanah Melayu. Sejarah kelapa sawit di Asia dikatakan telah bermula pada tahun 1848 apabila sebanyak empat benih yang berasal daripada Afrika telah ditanam di Taman Botani Bogor, Indonesia. Rantau Panjang, Kuala Selangor dikatakan merupakan tempat yang terawal ditanami pokok kelapa sawit

iaitu sekitar tahun 1911 sehingga 1912 hasil daripada benih yang telah dibawa dari Bogor. Pokok kelapa sawit yang pertama dari jenis 'Elaeis Guineensis' telah dijumpai dengan banyaknya di Negara Afrika. Minyak dari isirong dan perikap buah kelapa sawit telah banyak digunakan oleh penduduk di sekitar Afrika. Kelapa sawit memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia iaitu kelapa sawit telah menjadi sebagai tanaman yang membekalkan sumber makanan kepada manusia, sumber bahan mentah kepada industri pembuatan di seluruh global, peluang pekerjaan, dan aktiviti ekonomi utama bagi negara yang menghasilkan buah kelapa sawit terutamanya negara-negara yang sedang membangun (Chan et al., 2011). Memandangkan keperluan minyak sayuran sebagai bahan makanan, maka para pedagang mula memperdagangkan minyak kelapa sawit sebagai barangan dagangan ke negara-negara tropika yang lain. Seterusnya ini telah menggalakkan lagi pertumbuhan dan penanaman pokok-pokok kelapa sawit dengan meluasnya di kawasan-kawasan di mana pokok tersebut boleh tumbuh dan hidup dengan subur.

Pertanian tanaman kebun kecil kelapa sawit merupakan antara salah satu sektor yang sangat penting pada masa kini. Pertanian kebun kecil kelapa sawit telah pun menjadi sebagai aktiviti ekonomi dan juga memberikan pelbagai sumbangan kepada negara (Zaimah et al., 2028). Antara sumbangannya ialah melalui pertanian kita dapat meluaskan peluang pekerjaan dan juga sebagai sumber pendapatan utama kepada penduduk desa. Dengan ini, jurang kemiskinan juga dapat dirapatkan melalui pembangunan sektor pertanian. Selain itu, pertanian juga amat penting untuk membekalkan bekalan makanan kepada penduduk. Sektor pertanian yang optimum dapat menampung bekalan makanan rakyat pada masa kini (Majid et al., 2023). Di samping itu, sektor pertanian juga dapat meningkatkan pendapatan negara. Hasil pertanian dapat di eksport ke luar negara dan ia memberikan pendapatan yang lumayan. Maka dengan ini kehidupan rakyat dapat dinaik tarafkan (Andrew et al., 2022).

Tujuan utama penanaman kelapa sawit di tanam di Malaysia adalah disebabkan untuk membasmi kemiskinan rakyat Malaysia dan juga membangunkan sumber ekonomi negara. Oleh itu, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) telah membuka tanah-tanah baru untuk diteroka dan ditanam kelapa sawit. Maka ladang dan kebun-kebun kelapa sawit telah dibuka di banyak kawasan secara besar-besaran untuk memajukan kehidupan masyarakat. Selain itu, banyak penyelidikan juga telah dijalankan dan ia telah mendorong kepada menghasilkan kaedah baharu dan juga teknologi baharu dalam penanaman kelapa sawit di sekitar Malaysia. Penggunaan teknologi moden telah diaplikasikan dalam aktiviti penanaman kelapa sawit untuk menghasilkan benih kelapa sawit yang bermutu tinggi dan juga menghasilkan buah kelapa sawit yang bekualiti. Walaupun penggunaan teknologi diperluaskan, namun penggunaan tenaga buruh dan pekerja asing masih diperlukan dalam kerja-kerja tanaman kelapa sawit khususnya bagi tanaman kebun kecil kelapa sawit.

Tenaga Buruh Keluarga

Tenaga buruh merupakan komponen dan input penting dalam sektor industri kelapa sawit kerana ia berbeza dengan sektor lain. Ini kerana sektor lain boleh menggantikan tenaga buruh dengan modal tetapi di sektor industri kelapa sawit, buruh dan pekerja tetap kekal sebagai input utama dan penting dalam pengeluaran minyak kelapa sawit (Suhana et al., 2023). Menurut data industri sektor sawit Malaysia mendapati pada masa kini sebanyak 75% buruh asing dalam industri sawit di negara ini. Negara juga kekurangan sekitar 37,000 tenaga buruh dan pekerja dalam industri sawit yang akan memberi kesan kepada pengeluaran produktiviti minyak kelapa sawit pada masa akan datang (Bernama, 2020). Kebiasaannya kebun-kebun kecil kelapa sawit yang terdapat di Malaysia merupakan kebun milik keluarga yang bergantung kepada buruh keluarga termasuk suami, isteri dan anak-anak yang mengusahakan kebun kecil sawit tersebut. Anak-anak akan menjadi waris kepada

kebun tanaman sawit yang dimiliki oleh pekebun kecil kelapa sawit. Tenaga buruh keluarga dilihat amat penting dalam membantu meningkatkan pengeluaran minyak kelapa sawit bagi pekebun kecil melalui buah tandan segar yang dihasilkan secara skala kecil. Penglibatan ketua keluarga sama ada bapa atau suami adalah sangat besar berbanding usaha isteri, anak-anak, saudara mara dan anggota isi rumah lain dalam kegiatan pengurusan tanaman kebun kecil kelapa sawit (Jingjing et al., 2024). Penglibatan buruh keluarga selain ketua keluarga di mana tenaga buruh kerja oleh isteri dan anak-anak dilihat adalah bersifat membantu secara langsung kerja-kerja ketua keluarga dalam pengendalian dan pengurusan tanaman kebun kecil kelapa sawit. Terdapat beberapa jenis kerja dan tugas dalam aktiviti tanaman kebun kecil kelapa sawit yang memerlukan tenaga buruh keluarga dan sanak saudara (Myzabella et al., 2019).

Jadual 1: Bidang Kerja bagi Tanaman Kebun Kelapa Sawit

Bil.	Bidang Tugas	Penerangan
1.	Penuaian	Menuai dilakukan sebaik sahaja buah kelapa sawit masak dan matang untuk keluaran minyak kelapa sawit yang tinggi. Kerja penuaian ini akan menggunakan sabit dan pisau sawit bagi mencantas atau memotong pelepah dan buah kelapa sawit.
2.	Pengumpulan buah segar kelapa sawit	Pengumpulan buah segar kelapa sawit dan mengangkut buah segar ke kilang pemprosesan sawit adalah dengan menggunakan lori, traktor mini dan trak terbuka.
3.	Pengumpulan biji buah kelapa sawit lerai	Buah kelapa sawit yang terlerai dari tandan sawit semasa penuaian akan dikutip dan dikumpul untuk diproses. Sekiranya buah yang terlerai tidak dikutip ia akhirnya akan tumbuh menjadi pokok kelapa sawit baru dan ini akan menghalang pertumbuhan maksimum sawit lain.
4.	Pemotongan pelepah pokok kelapa sawit	Tangkai dan pelepah pokok kelapa sawit adalah berduri dan ia merupakan sisa yang perlu diasingkan dan dibuang untuk mengekalkan kelestarian dan persekitaran kebun sawit yang baik. Pemotongan pelepah akan menggunakan sabit kemudian disusun pelepah bagi memudahkan proses pengumpulan oleh traktor.
5.	Pembajaan	Kerja-kerja pembajaan ini dilakukan secara manual di kawasan tanaman kebun kecil kelapa sawit. Pekerja akan membawa plastik yang mengandungi baja dan menabur baja ke tanah dengan menggunakan tangan.
6.	Meracun dan penggunaan racun perosak	Kebiasaannya tanaman mudah terdedah dengan jenis penyakit, parasit dan perosak. Oleh itu meracun adalah satu kerja yang dilakukan oleh pekebun kecil dengan menggunakan racun perosak sebagai kawalan dan cegahan untuk merawat tanaman kelapa sawit.

Sumber: Myzabella et al., (2019)

2. Metodologi Kajian

Kajian ini telah menggunakan kaedah kuantitatif dengan teknik persampelan rawak mudah digunakan bagi tujuan pengumpulan data. Pengedaran instrumen borang soal selidik telah dilakukan dengan melibatkan sebanyak 345 responden pekebun kecil sawit di Bakong dan Marudi Sarawak bagi menjawab soalan kajian ini yang bertujuan untuk mengkaji tahap kepentingan komponen persekitaran dalam pengurusan tanaman pekebun kecil sawit. Instrumen borang soal selidik dalam kajian ini mengandungi 3 bahagian iaitu bahagian A demografi, bahagian B mengkaji komponen buruh keluarga dalam pengurusan tanaman kelapa sawit pekebun kecil dan bahagian C cadangan penambahbaikan pengurusan tanaman kelapa sawit pekebun kecil.

3. Perbincangan

Hasil dapatan kajian berdasarkan Jadual 1 menunjukkan bahawa pernyataan pertama iaitu 'Anggota ahli keluarga terlibat membantu dan melakukan kerja membaja, menuai, memungut, meracun, memangkas dan memunggah buah kelapa sawit' telah menunjukkan nilai min 4.54 berada pada tahap kepentingan tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa majoriti ahli keluarga pekebun kecil sawit di Bakong dan Marudi telah bekerjasama dan berusaha bersama-sama di kalangan ahli keluarga dalam melakukan kerja-kerja dan aktiviti pertanian kebun kecil kelapa sawit. Tenaga buruh keluarga terutamanya para isteri dan anak-anak akan terlibat secara langsung menjadi buruh di kebun kecil kelapa sawit bagi membantu ketua keluarga iaitu bapa dan juga suami bagi melaksanakan kerja-kerja diperkebunan sawit seperti mengutip biji buah sawit lerai, meracun, membaja, merumput dan sebagainya dalam menjana pendapatan keluarga dan produktiviti kebun kecil kelapa sawit (Apriani & Hapsah, 2018).

Seterusnya, pernyataan kedua 'Kekurangan tenaga pekerja tidak membebankan pemilik kebun kecil sawit kerana buruh dari ahli keluarga terlibat membantu dalam melakukan kerja-kerja tanaman di kebun kelapa sawit' telah menunjukkan nilai min sebanyak 4.38 (tahap kepentingan tinggi). Pernyataan ketiga pula iaitu 'Teknik-teknik pengurusan tanaman kebun kecil kelapa sawit seperti proses penanaman, pembajaan, penuaian dan pemetikan buah sawit, pemunggahan dan pemungutan dan sebagainya telah dipelajari oleh ahli keluarga' mencatat nilai min 4.46 juga pada tahap kepentingan tinggi. Hasil penemuan menunjukkan penglibatan buruh keluarga pekebun kecil di Bakong dan Marudi secara tidak langsung membolehkan ahli keluarga pekebun kecil sawit dapat mempelajari teknik-teknik dalam pengurusan tanaman sawit. Ahli keluarga dapat mempelajari amalan penanaman di kebun sawit yang mempengaruhi produktiviti pengeluaran kelapa sawit termasuklah penyediaan anak benih kelapa sawit, penanaman dan penjagaan tanaman sawit, penanaman semula sawit, penggunaan tanaman integrasi dan hiliran, pembasmian rumpai dan meracun, kerja pembajaan dan mengawal perosak pokok sawit (Napitupulu et al., 2021).

Pernyataan keempat iaitu 'Tenaga buruh dalam kalangan ahli keluarga dalam melaksanakan kerja-kerja pengurusan tanaman kelapa sawit turut diberi upah yang setimpal oleh pemilik kebun' pula menunjukkan nilai min sebanyak 4.62 (tahap kepentingan tinggi). Majoriti responden bersetuju bahawa ahli keluarga yang terlibat dalam membantu kerja tanaman kelapa sawit turut diberi upah yang setimpal. Upah yang setimpal harus diberi agar meningkatkan semangat kepada anggota ahli keluarga dalam mengusahakan tanaman kelapa sawit kerana penggunaan tenaga serta kondisi mereka dalam melakukan kerja-kerja dan beban dalam menguruskan tanaman kebun sawit. Pemberian upah yang setimpal akan mempengaruhi semangat dan tahap kesungguhan buruh keluarga melakukan kerja di kebun sawit kerana memerlukan tenaga yang cukup kuat khususnya anggota keluarga wanita iaitu

isteri dan anak-anak perempuan yang turut terlibat dalam membantu ketua keluarga di kebun sawit (Sari, Arianti & Priyono, 2021).

Hasil dari penemuan kajian juga telah menunjukkan pernyataan kelima iaitu ‘Secara tidak langsung ahli keluarga dan anak-anak akan mewarisi kebun kecil kelapa sawit sekiranya mereka bersungguh terlibat dalam menguruskan tanaman kelapa sawit’ telah mencatat nilai min tertinggi sebanyak 4.64 dan berada pada tahap kepentingan tinggi. Pewarisan kebun kecil kelapa sawit ini secara tidak langsung akan berlaku dari kalangan anggota ahli keluarga iaitu isteri dan anak-anak dan juga sebagai tenaga buruh yang menggerakkan dan mengusahakan tanaman kelapa sawit milik keluarga dan bapa mereka sendiri (Sari, Arianti & Priyono, 2021). Pernyataan keenam pula ‘Ahli keluarga pekebun kecil sawit terutama anak-anak lebih suka bekerja di kebun milik bapa mereka sendiri berbanding untuk bekerja di luar kampung’ menunjukkan nilai min terendah berbanding dengan pernyataan lain iaitu sebanyak 3.94.

Selain itu, pernyataan ketujuh ‘Penjanaan pendapatan sampingan dapat dilakukan oleh ahli keluarga dengan berkebun secara hiran di kawasan tanaman kebun kecil sawit dengan menanam kacang, sayuran, cili, sawi dan mentimun’ telah menunjukkan nilai min sebanyak 4.11 iaitu pada tahap kepentingan tinggi. Peluang penjanaan ekonomi sampingan di tanaman kebun kecil kelapa sawit dapat dilakukan dengan menanam sayuran dan kacang atau tanaman hiran yang bersesuaian yang secara tidak langsung akan menambahkan pendapatan keluarga dan meningkatkan kesejahteraan ahli keluarga (Napitupulu et al., 2021; Sum et al., 2023; Zaimah et al., 2017). Manakala pernyataan terakhir iaitu ‘Penglibatan ahli keluarga untuk serta membantu dalam melakukan kerja tanaman kelapa sawit tidak akan mendatangkan masalah kesefahaman, kerumitan dan rungutan di kalangan ahli keluarga’ telah mencatat nilai min 4.53 juga pada tahap kepentingan tinggi.

Jadual 3 Tahap kepentingan Tenaga Buruh keluarga Kebun Kecil Sawit

Bil	Perkara	Min	Tahap Ketinggian
1.	Anggota ahli keluarga terlibat membantu dan melakukan kerja membaja, menuai, memungut, meracun, memangkas dan memunggah buah kelapa sawit.	4.54	Tinggi
2.	Kekurangan tenaga pekerja tidak membebaskan pemilik kebun kecil sawit kerana buruh dari ahli keluarga terlibat membantu dalam melakukan kerja-kerja tanaman di kebun kelapa sawit.	4.38	Tinggi
3.	Teknik-teknik pengurusan tanaman kebun kecil kelapa sawit seperti proses penanaman, pembajaan, penuaian dan pemetikan buah sawit, pemunggaan dan pemungutan dan sebagainya telah dipelajari oleh ahli keluarga.	4.46	Tinggi
4.	Tenaga buruh dalam kalangan ahli keluarga dalam melaksanakan kerja-kerja pengurusan tanaman kelapa sawit turut diberi upah yang setimpal oleh pemilik kebun.	4.62	Tinggi

5.	Secara tidak langsung ahli keluarga dan anak-anak akan mewarisi kebun kecil kelapa sawit sekitarnya mereka bersungguh terlibat dalam menguruskan tanaman kelapa sawit.	4.64	Tinggi
6.	Ahli keluarga pekebun kecil sawit terutama anak-anak lebih suka bekerja di kebun milik ayah mereka sendiri berbanding untuk bekerja di luar kampung	3.94	Tinggi
7.	Penjanaan pendapatan sampingan dapat dilakukan oleh ahli keluarga dengan berkebun secara hiran di kawasan tanaman kebun kecil sawit dengan menanam kekacang, sayuran, cili, sawi dan mentimun.	4.11	Tinggi
8.	Penglibatan ahli keluarga untuk serta membantu dalam melakukan kerja tanaman kelapa sawit tidak akan mendatangkan masalah kesefahaman, kerumitan dan rungutan di kalangan ahli keluarga.	4.53	Tinggi
	Nilai Purata Min Keseluruhan	4.40	Tinggi

Sumber: Kajian Lapangan (2024)

4. Kesimpulan

Kerajaan telah mengambil inisiatif dalam menyatukan pekebun kecil dan buruh keluarga dalam gerakan usaha untuk menggalakkan penyertaan pekebun kecil dalam meningkatkan pengeluaran produktiviti minyak sawit mampan. Penglibatan pekebun kecil dan juga buruh keluarga terdekat adalah wajar dan perlu untuk meningkatkan tahap pengurusan tanaman kebun kecil kelapa sawit milik persendirian. Oleh itu, hasil penemuan kajian mendapati tenaga buruh keluarga adalah komponen penting dalam memastikan peningkatan produktiviti minyak kelapa sawit agar dapat menghasilkan output yang tinggi bagi tanaman pekebun kecil sawit berskala kecil. Komponen tenaga buruh keluarga ini dilihat mempunyai hubungan antara satu dengan yang lain antara produktiviti dan buruh atau tenaga pekerja pekebun kecil dalam mengelola penanaman kelapa sawit yang lebih baik. Keseluruhannya, penglibatan buruh keluarga dan ahli anggota keluarga pekebun kecil sawit penting dalam mengusahakan industri ini bagi meningkatkan pendapatan dan ekonomi keluarga.

5. Penghargaan

Terima kasih kepada pihak responden pekebun kecil kelapa sawit di Bakong dan Marudi Sarawak dalam memberi kerjasama untuk pengumpulan data dan maklumat dalam melengkapkan dan menyiapkan artikel ini. Manuskrip persidangan ini telah dibiayai melalui geran FRGS/1/2023/SSI03/UKM/02/3.

6. Rujukan

- Andrew, F. T., Tahir, Z., Lyndon, N., Shahizan, M., Mat, S., & Mahendran, A. (2022). Use of modern technology and innovations to increase the productivity of oil palm smallholders. *International Journal of Advanced and Applied Sciences*, 9(5), 9-17.
- Apriani, P. W., & Hapsah, W. O. S. (2018). Perempuan di Sektor Publik Aktivitas Buruh Perempuan Di Perkebunan Kelapa Sawit PT. Damai Jaya Lestari di Desa Lamoiko, Kecamatan Tanggetada, Kabupaten Kolaka. *KABANTI: Jurnal Kerabat Antropologi*, 2(2), 69-79.
- Bernama (2020). *Isu Kekurangan Pekerja Ladang Tak Berkesudahan*. Tarikh: 27 September 2020. <https://www.malaysiakini.com/news/544254>
- Chan, J. J., Latiffah, Z., Liew, K. W., & Idris, A. S. (2011). Pathogenicity of monokaryotic and dikaryotic mycelia of *Ganoderma boninense* on oil palm seedlings and germinated seeds in Malaysia. *Australasian Plant Pathology*, 40, 222-227.
- Jingjing, L., Suib, N. A. M., Salleh, N. H. M., Hashim, K., & Shukor, M. S. (2024). Effect of Palm Oil Subsidies on Productivity and Well-Being of Independent Smallholders. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 58, 1.
- Majid, A. A., Ibrahim, A. L., Nor, N. M., & Khalid, H. N. (2003). Pertanian Mapan: Cabaran dan Strategi Pembangunan Dalam Sektor Pertanian Di Negeri Perlis. *Makalah Society Space and Environment In A Globalised World Prospects & Challenges, City Bayview Hotel, Penang*, 29-30.
- Myzabella, N., Fritschi, L., Merdith, N., El-Zaemey, S., Chih, H., & Reid, A. (2019). Occupational health and safety in the palm oil industry: a systematic review. *The International Journal of Occupational and Environmental Medicine*, 10(4), 159.
- Napitupulu, D., Alamsyah, Z., Ernawati, H. D., Yanita, M., Elwamendri, E., & Fauzia, G. (2021, June). Impact of oil palm plantation on household welfare in Jambi Province. In *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science* (Vol. 782, No. 3, p. 032056). IOP Publishing.
- Sari, D. R., Arianti, N. N., & Priyono, B. S. (2021). Analisis determinan pendapatan buruh wanita perkebunan sawit. *J. Agric*, 33(1), 29-42.
- Suhana Saad, Mohd Firdaus Ganai, Zaimah Ramli & Novel Lyndon (2023). Persekitaran Kerja yang Menyumbang Kepada Produktiviti Buruh Lokal di Sektor Pertanian Kelapa Sawit. *International Journal of Social Science Research (IJSSR)*. Vol 5 No 1 (2023): March 2023.
- Sum, S. M., Omar, M. Y., Ramli, Z., Manaf, A. A., Zainol, R. M., & Malaysia, K. P. (2023). Hubungan modal sosial terhadap aktiviti ekonomi pekebun kecil sawit. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 19(4), 207-223.
- Zaimah, R., Lyndon, N., Sarmila, M. S., & Hussain, M. Y. (2017). Keberkesanan Integrasi Sawit Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil Sawit: Kajian Kes Di Johor, Malaysia. *e-BANGI Journal*, 12.
- Zaimah, R., Sarmila, M. S., Lyndon, N., & Hussain, M. Y. (2018). Amalan dan kelangsungan integrasi sawit dalam kalangan pekebun kecil sawit di Sabah (Indonesian)[Practice and continuity of palm integration among palm oil smallholder in Sabah]. *International Journal of Accounting, Finance and Business*, 3(7), 1-12.